

Model Keseimbangan Kerjaya dan Rumah Tangga dalam kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam

Naemah Hamzah*, Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: naemah@utm.my

Abstract

Being balance in managing household is a mandatory claim for working women. The diversity of techniques fulfil the trust and responsibility of the dual career. Therefore, the effective model according to Islamic views is much needed nowadays. Data were collected through qualitative design using in-depth interviews and analysis of documents involving past literatures and views of the contemporary scholars. In-depth interviews were conducted with women who excel in management and public sector and professionals with JUSA and grade 54. Supporting data of this study involved interviews with husbands, children, employers and colleagues to create a triangulation data. The findings of the study was analysed thematically using Nvivo 7.0 software. The patterns of these findings has resulted in the model for work-life balance according to the Islamic perspective. The results are presented as a guide for the career women nowadays, for those in the higher education institutions, government departments and private companies.

Keywords: Model; Fiqh; work-life balance; successful women; public sector

Abstrak

Keseimbangan dalam menguruskan rumah tangga merupakan tuntutan wajib bagi wanita yang berkecimpung dalam dunia pekerjaan. Kepelbagaian teknik diperlihatkan dalam melengkapkan amanah dan tanggungjawab dwi kerjaya. Oleh kerana itu, model yang efektif mengikut pandangan Islam amat diperlukan dewasa ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual mendalam dan analisis dokumen melibatkan kitab Turath dan pandangan ulamak kontemporari. Temu bual mendalam dijalankan terhadap wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam gred 54 dan JUSA. Data sokongan temu bual kajian ini melibatkan suami, anak, majikan dan rakan sekerja bagi mewujudkan triangulation data. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis secara bertema menggunakan perisian Nvivo 7.0. Pola-pola dapatan kajian ini telah menghasilkan model keseimbangan rumah tangga mengikut perspektif Islam. Hasil kajian ini dikemukakan sebagai panduan wanita berkerjaya masa kini, majikan, suami, institusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan dan swasta.

Kata kunci: Model; Fiqh; keseimbangan rumah tangga; sektor awam; wanita cemerlang

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Wanita yang berumah tangga dan berkerjaya wajar seimbangkan antara keduanya apabila memilih jalan untuk bekerja (al-Buty, 1996). Hal ini berbeza dengan falsafah barat yang menjelaskan bahawa ahli keluarga tidak lagi memberi nafkah kepada wanita yang telah berumur 17 tahun ke atas. Mereka hendaklah mencari keperluan hidup berdasarkan hasil usaha mereka sendiri. Dalam konteks barat juga wanita yang berkerjaya dan berkahwin perlu berkongsi sama rata perbelanjaan rumah tangga bersama suami (al-Siba'i, 1999; al-Hashimi, 2005; Al-Buty, 1996). Justeru, terdapat pelbagai isu yang berlaku dewasa ini apabila wanita melibatkan diri dalam dunia pekerjaan. Apatah lagi kedudukan mereka bukan sahaja diperlukan dalam kerjaya malahan mereka juga diperlukan dalam rumah tangga (Rohaiza, 2011).

Konflik kerja-keluarga merujuk kepada konflik peranan yang terjadi apabila tekanan diterima akibat daripada dua domain utama dalam hidup iaitu keluarga dan kerja tidak seimbang (Greenhaus, 1985; Noor Rahamah, 2012). Teknologi dan ekonomi yang semakin berkembang merupakan antara faktor yang menyumbang kepada pembentukan konflik kerja-keluarga. Perkembangan ekonomi membawa kepada pertambahan bebanan, peranan dan komitmen yang seterusnya menyebabkan tekanan (Rohaiza, 2011; Khadijah dan Rahim, 2010). Faktor penyebab tekanan adalah faktor penjagaan (Khadijah dan Rahim, 2010). Tekanan juga tercetus apabila berlakunya pertembungan peranan antara keluarga dan pekerjaan (Siti Aisyah dan Siti Khadijah, 2012; Noor Rahamah, 2012). Konflik kerja-keluarga berfungsi dalam dua arah. Pertama ialah konflik kerja kepada keluarga atau Work-to-Family Conflict (WFC) iaitu konflik yang berlaku akibat daripada gangguan tanggungjawab kerja yang menjejaskan tanggungjawab kepada keluarga. Kedua, konflik keluarga kepada kerja Family-to-Work Conflict (FWC) yang bertindak sebaliknya iaitu komitmen terhadap keluarga menjejaskan komitmen terhadap kerja (Siti Aisyah dan Siti Khadijah, 2012; Ng dan Feldman, 2012). Wanita menurut Khadijah dan Rahim (2010) lebih banyak mengalami skor depresi Minnesota Multiphasic Personality Inventory (MMPI) yang lebih tinggi, rendah semangat dan lebih banyak simptom perasaan negatif.

Faktor ini jika tidak diuruskan dengan betul menyebabkan banyaknya berlaku perceraian. Perceraian dewasa ini merupakan fenomena yang amat dahsyat yang sering didedahkan dalam media masa dan juga statistik daripada pihak Mahkamah Syariah (Kaulah, 1999; Nizaita, 2010). Ibrahim Lembut (2013) menegaskan bahawa kedudukan institusi keluarga semakin meruncing dengan pertambahan kadar perceraian dalam rumah tangga. Statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2009 menunjukkan berlaku satu perceraian pada setiap 15 minit di kalangan umat Islam di Malaysia. Maklumat ini dibuktikan menerusi Buletin Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menunjukkan kadar perceraian yang tinggi berlaku saban tahun di negara kita.

Jadual 1.1 Bilangan perceraian muslim yang berdaftar mengikut negeri, Malaysia, 2005-2009

Negeri	2005	2006	2007	2008	2009
Malaysia	17,749	19,475	21,051	22,289	27,116
Johor	1,521	1,647	1,931	2,329	2,578
Kedah	1,737	2,006	2,188	2,407	2,749
Kelantan	1,900	2,014	2,257	2,266	2,478
Melaka	612	726	758	889	923
Negeri Sembilan	807	867	907	1,054	1,243
Pahang	1,505	1,541	1,502	1,719	1,959
Perak	1,475	1,577	1,551	1,951	1,790
Perlis	228	326	309	458	502
Pulau Pinang	913	813	917	937	1,162
Sabah	582	935	1,040	746	2,548
Sarawak	820	974	910	1,076	963
Selangor	3,030	3,295	3,722	3,558	4,614
Terengganu	1,285	1,232	1,537	1,341	1,883
W.P.Kuala Lumpur	1,250	1,423	1,459	1,444	1,637
W.P Labuan	84	99	63	114	87

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia (JAKIM)

Berdasarkan Jadual 1.1 di atas menunjukkan kadar perceraian yang semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2005 kadar perceraian di Malaysia adalah sebanyak 17,749 orang. Bilangan ini meningkat kepada 27,116 orang pada tahun 2009. Kadar perceraian tertinggi berlaku di negeri Selangor iaitu sebanyak 4,614 orang pada tahun 2009. Peningkatan fenomena perceraian ini adalah disebabkan oleh tujuh faktor utama antaranya pasangan gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai suami dan isteri, tahap pengetahuan dan penghayatan agama yang rendah seperti mengabaikan solat, gangguan orang ketiga, perbezaan budaya, masalah seksual, masalah kewangan dan kerjaya (Mashitah, 2011; Raihanah, 2007; Hamidah, 2006, Siti Zalkhah, dan Zaleha, 2010). Hasil kajian Raihanah (2007), mencatatkan 204 orang atau 68 % terdiri daripada pengadu wanita berbanding 96 orang atau 32 % pengadu dalam kalangan lelaki atau suami. Kemungkinan wanita mungkin merasa lebih tertekan dan golongan yang teraniaya apabila berlaku masalah dalam rumah tangga (Raihanah, 2007).

Lantaran itu, wanita berkerjaya sering berhadapan dengan konflik dalam mengimbangi antara kerjaya dan rumah tangga. Hal ini disebabkan situasi dan keadaan yang berbeza antara satu sama lain dari aspek ilmu berkaitan pengurusan rumah tangga, kekuatan diri dan semangat, komitmen suami, situasi dalam rumah tangga dan bidang tugas pekerjaan yang dilakukan. Namun begitu, terdapat juga wanita yang mampu melakukan tugas ini secara seimbang. Keadaan ini memimpin mereka untuk terus berjaya dalam kerjaya dan rumah tangga (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Perkongsian hasil dapatan kajian berkaitan isu ini dapat menjadi inspirasi terhadap wanita berkerjaya yang menghadapi masalah dalam pengurusan rumah tangga yang efektif menurut kaca mata Islam.

■2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan menjelaskan (a) Batas dan syarat wanita dalam kerjaya menurut perspektif Islam melibatkan pandangan ulamak menerusi kitab turath dan pandangan-pandangan ulamak kontemporari (b) Pengaplikasian fiqh dalam keseimbangan kerjaya dan rumah tangga dalam kalangan wanita cemerlang (gred JUSA dan 54) sektor awam. Akhir kajian ini dapat mengemukakan model keseimbangan kerjaya dan rumah tangga mengikut syariat Islam sebagai panduan wanita berkerjaya masa kini, suami sebagai pemimpin keluarga, majikan dan institusi dan jabatan sama ada kerajaan mahu pun swasta.

■3.0 METODOLOGI

3.1 Reka Bentuk Kajian

Secara umumnya kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya melibatkan metode temu bual mendalam (*in-dept interview*) bagi mengumpulkan data utama dan metode dokumentasi melibatkan kitab-kitab turath dan pandangan ulamak kontemporari serta dokumen milik tokoh bagi data sokongan kajian (Gall *et al.*, 2005; Mohd Najib, 2003). Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian pelbagai kes (*multiple-case design*) yang melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik, jelas dan mendalam berkaitan amalan fiqh sains

rumah tangga dan kerjaya wanita cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Gall *et al.*, 2005; Mok Soon Sang, 2010). Kajian ini dikenali sebagai kajian pelbagai kes kerana melibatkan wanita cemerlang yang berbeza namun mempunyai ciri-ciri yang sama. Selain itu, kajian ini juga dilakukan di lokasi dan masa yang berbeza (Richard *et al.*, 2005). Penggunaan metode temu bual mendalam (*in-depth interview*) menunjukkan kajian dilakukan secara natural terhadap fenomena terlibat (Gall *et al.*, 2005). Pengkaji amat memerlukan dapatan kajian menerusi temu bual bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan data-data yang baru daripada wanita cemerlang yang dipilih untuk menghasilkan model (Maxwell, 1996; Salvana *et al.*, 2008). Dapatan-dapatan baru ini diperlukan bagi menghasilkan model wanita bekerjaya masa kini menurut pandangan Islam (Maxwell, 1996; Salvana *et al.*, 2008; Richard *et al.*, 2005; Uwe Flick *et al.*, 2004; Locke *et al.*, 2010).

3.2 Sampel

Peserta kajian utama melibatkan tujuh orang wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam jelas menggunakan *snow ball sampling* (4 orang gred JUSA, 3 orang Gred 54). Wanita cemerlang akan memberikan cadangan rakan sekerja yang sesuai untuk di temu bual (Pittenger, 2003; Welman *et al.*, 2005; Neuman, 2007; Parmjit Singh, 2006; Chua Yan Piaw, 2011, Mok Soon Sang, 2010). Antara ciri peserta kajian ini ialah (a) seorang wanita yang berkerjaya dalam kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam (b) wanita berkenaan telah berumah tangga dan mempunyai anak (c) mencipta kejayaan dalam kerjaya (d) mengamalkan syariat Islam ketika keluar bekerja seperti menutup aurat dengan sempurna. Data sokongan temu bual melibatkan tujuh orang suami dan tujuh orang majikan menggunakan *purposive sampling* (Welman *et al.*, 2005). Sementara itu, tujuh orang rakan sekerja wanita cemerlang dipilih menggunakan *snow ball sampling* berdasarkan ciri dan kriteria yang mirip dengan peserta kajian. Tujuh orang anak wanita cemerlang pula di pilih menggunakan *convenience sampling*.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Latar Belakang Peserta Kajian Utama

Peserta kajian utama kajian ini melibatkan tujuh orang wanita berkerjaya dan berumah tangga yang sedang berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Jadual 4.1 menunjukkan ringkasan latar belakang peserta kajian:

Jadual 4.1 Ringkasan maklumat berkaitan latar belakang WC1-7

Nama	Institusi	Jawatan	Gred	Pendidikan	Bidang Kepakaran	Anugerah/Penglibatan	Bil. Anak
WC 1	UKM	Profesor Dr. Pengarah Institut	JUSA	Dip. Pend. Ain Syams B.Aal-Azhar M.Aal-Azhar Ph.D UM	Metodologi Dakwah Kesenian dan Budaya	APC UKM 2001, 2007 Anugerah Pengajar Cemerlang 2004 Anugerah Perkhidmatan 20 tahun Lanitikan Profesor Pelawat Panelis TV1, TV al-Hijrah, Astro	4 orang
WC 2	UNIMAS	Prof. Madya Dr. Ketua Jabatan (2009-2011) Dekan Pusat Bahasa (2005)	DS54	Dip.Pend. MPTI Profesional courseDurham, UK B.A USM M.ATexas, USA Ph.DDurham, UK	Kognitif Kognitif Psikologi Pendidikan	APC UNIMAS Anugerah Penerbitan Anugerah Penyelidikan <i>Projek Leader-QEEG-BrainMappingandNeurofeedback</i> ASIAN NEUROSCIENCE SOCIETY MALAYSIA NEUROSCIENCE SOC.	2 orang
WC3	UPM	Profesor Dr. Ketua Laboratori Institut Teknologi Maju	JUSA	B.A UKM Ph.D UKM PostdoctoralCambri dge	Kimia	APC UPM 2003,2004, 2005 APC Fakulti Sains 2003, 2004 Anugerah Sainitis Cemerlang Fakulti Sains 2005 Anugerah Sainitis Muda Fakulti Sains 2007 Anugerah Pengajar Muda 2008 Mendapat 6 pingat emas, 7 perak, 10 gangsa Malaysia InnovativeProductAward, ITEX, 2001	4 orang
WC 4	PPUKM	PM. Dr. Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan Pakar O&G	JUSA	Matrikulasi UKM Ijazah Doktor Perubatan UKM Sarjana Kepakaran O&G UKM Ph.DHarvardMedicalSchool	O&G	Anugerah Siti Khadijah Negeri Selangor 2011 Anugerah Pengajar Cemerlang PPUKM 2010 Anugerah Pengajar Cemerlang UKM 2009 Anugerah Khidmat Masyarakat 2010 Anugerah Khas Kualiti UKM 2007 APC 2000	4 orang
WC 5	UKM	Profesor Dr. Present Member of IEEE	JUSA	B.A UKM Ph.DIreland	AntennaCom WirelessCom.	<i>YoungResearchAward</i> 2011 Anugerah Fizik Malaysia Anugerah Perkhidmatan Cemerlang InstitutionalNetwork, 6 ProfiledOrganizations, 38 Non- ProfiledOrganizations.	3 orang
WC 6	UTM KL	PM. Dr. Ketua Penilai Kualiti	DS54	Univ. Dip. England Dip. UiTM M.A Washington D.C. Ph.D UUM	PublicAdministration	APC 2006, 2010 Anugerah Penyelidikan Aktif membentangkan kertas kerja dalam dan luar negara. 23 PapersPresentedatConferences 1999-2012	6 orang
WC7	UTM	PM. Dr. Pengurus Akademik SPS UTM	DSS4	B.A UTM M.A UTM Ph.DWarwick, UK	Opticalcommunicationsnetwork	Anugerah Harta Intelek 2013 APC 2010 PublicationAwardforOriginalForeignLanguageWriting 2009 BestPaperGoldAward Asia 2005 9 pingat emas, 5 perak, 11 gangsa Prof. pelawat 2011	5 orang

Sumber: Data temu bual dan analisis dokumen

4.2 Pola Pengaplikasian Keseimbangan Kerjaya dan Rumah Tangga

Mampu seimbangkan antara kerjaya dan rumah tangga adalah elemen penting dalam diri wanita cemerlang (WC1, 2013; WC2, 2013; WC3, 2013; WC4, 2013; WC5, 2013; WC6, 2013; WC7, 2013). Hasil kajian menunjukkan terdapat 12 cara (pola) yang dipraktikkan oleh wanita masa kini dalam memenuhi tuntutan tersebut seperti mana dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Keseimbangan antara kerjaya dan rumah tangga WC1-7

Bil.	Seimbang	WC1	WC2	WC3	WC4	WC5	WC6	WC7
1.	Berada di rumah apabila diperlukan	X	-	X	X	X	X	X
2.	Jaga hak suami dan isteri	X	X	X	X	X	X	X
3.	Elakkan perkara sia-sia	-	-	-	X	X	X	X
4.	Kurangkan kesibukan bekerja	-	-	-	X	X	X	X
5.	Laksanakan tiga tanggungjawab serentak	X	X	X	X	X	X	X
6.	Penjelasan bidang tugas sendiri	X	-	X	X	X	X	-
7.	Mengambil cuti	X	-	X	X	X	X	X
8.	Pastikan kestabilan rumah tangga dahulu	X	X	X	X	X	X	X
9.	Peruntukkan masa bersama keluarga	X	-	X	X	X	X	X
10.	Selesaikan tugas di tempat kerja	X	-	-	X	X	X	X
11.	Tetap memantau dan mendidik anak-anak	X	X	X	X	X	X	X
12.	Bawa anak bersama ketika tugas luar	X	X	X	X	X	X	X

Sumber: Indeks Data 2014, 693-694

Pertama, peserta kajian memilih untuk berada di rumah apabila diperlukan (WC1, 2013; WC3, 2013; WC4, 2013, WC5, 2013; WC6, 2013; WC7, 2013). Berada di rumah bersama suami, (WC:FTK/MS/BR) "*Saya banyak dekat rumah lah selalu sebab kadang-kadang suami kan..saya lebih kepada rumah. Kadang suami dia tak suka saya keluar-keluar sangat dia lebih prefer saya duduk dekat rumah dengan anak-anak.*"(RSWC6, 2013:340). Peserta kajian bergegas pulang ke rumah pada waktu kecemasan seperti anak atau suami sakit (WC4, 2013). Kenyataannya, (WC:FTK/MS/BR) "*Kalaulah tiba-tiba saya sedang bekerja, rumah perlukan saya, saya akan tinggalkan kerjaya saya.*"(WC4, 2013:54). Wanita yang mempunyai anak kecil terutamanya perlu banyak masa di rumah untuk menjaga dan mendidik anak-anak (AWC6, 2014; MWC6, 2013).

Kedua, semua peserta kajian berusaha menjaga hak pasangan masing-masing dalam mewujudkan kesejahteraan rumah tangga. Saling memperingati suami atau isteri seperti mana kenyataan SWC7 (2014), (WC:FTK/MS/JH) "*Menyedarkan mereka ni yang mana kita ni masing-masing ada hak masing-masing.*" Pengukuhan lain, "*kita kena jaga hak kita, jaga hak suami.*"(WC2, 2013:23). Ketiga, empat peserta kajian memilih untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang sia-sia dalam situasi kesibukan menguruskan kerjaya dan keluarga (WC4, 2013; WC5, 2013; WC6, 2013; WC7, 2013). Antaranya disebutkan, (WC:FTK/MS/KPSS) "*Tapi sebenarnya kalau kita semak balik masa kita sama ada kita berkerjaya atau tak kalau kita betul-betul buang benda yang lagho atau sia-sia tu sebenarnya kita masih ada banyak masa lagi.*"(RSWC4, 2014:321). RSWC4 (2014) mengurangkan masa membeli-belah yang panjang di pasar raya. Sementara itu, WC5 (2013) memilih penginapan yang selesa tetapi sederhana dari sudut hiasan untuk memberi tumpuan kepada pendidikan anak-anak.

Keempat, keseimbangan rumah tangga boleh berlaku apabila kesibukan bekerja yang melibatkan tugas tambahan dan tidak menjejaskan tugas hakiki seperti menjawat jawatan dalam pentadbiran dikurangkan atau dielakkan buat sementara waktu. Hal ini terutamanya apabila rumah tangga memerlukan komitmen sebagai isteri untuk memantau anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan besar atau wujudnya anak-anak yang masih kecil (WC4, 2013; WC5, 2013; WC6, 2013; WC7, 2013). Kenyataannya, (WC:FTK/MS/KK) "*Kalau boleh isteri kena cuba minimize kan lah, minimize kan kerja-kerja dan balik rumah beri tumpuan kepada rumah tangga.*"(MWC1, 2013). WC7 (2013:108) menyebut, (WC:FTK/MS/KK) "*Dulu dalam dua tiga tahun lepas rajin, memang rajin buat kerja. Tapi bila anak nak UPSR tahun depan saya slow down kan sikit.*" Kerja yang dikurangkan bukan melibatkan tugas utama atau hakiki, (WC:FTK/MS/KK) "*Jadi saya kurangkan dengan melakukan kerja-kerja yang kalau saya tak buat pun tidak akan mengganggu tugas saya.*" (RSWC4, 2013:318).

Kelima, semua peserta kajian bersetuju perlunya wanita itu melaksanakan tiga tanggungjawab serentak sebagai seorang isteri, ibu dan pekerja. SWC7 (2014:168) menceritakan, (WC:FTK/MS/L3T) "*Dia kena sedar tanggungjawab dia bukan sahaja sekadar wanita berkerjaya, tapi juga tanggungjawab dia sebagai seorang isteri dan sebagai seorang ibu.*"

Keenam, lima peserta kajian mengambil langkah proaktif menerangkan bidang tugas masing-masing kepada ahli keluarga sendiri (WC1, 2013; WC3, 2013; WC4, 2013; WC5, 2013; WC6, 2013). Kenyataannya, (WC:FTK/MS/MBT) "*Mereka memahami apa proses pengajian kita ketika itu..kalau kita belajar untuk apa, matlamatnya untuk apa, untuk masa depan hendaklah diberi tahu kepada keluarga kita.*"(RSWC1, 2013:288). Ketujuh, enam peserta kajian mengambil cuti yang telah diperuntukkan untuk bersama dengan ahli keluarga (WC1, 2013; WC3, 2013; WC4, 2013; WC5, 2013; WC6, 2013; WC7, 2013). Petikan temu bual:

(WC:FTK/MS/MC) "*Bagaimana pengurusan cuti jika layak dapat cuti maka mohonlah cuti sebagai menandakan kita atau keprihatinan kita kepada mereka ahli keluarga kita. Sebab peruntukan dalam pekerjaan ada tempoh-tempoh tertentu yang melayakkan dia memohon cuti, maka mohonlah.*"
(RSWC1, 2013:287)

Kelapan, semua peserta kajian memastikan kestabilan rumah tangga terlebih dahulu untuk memberi keselesaan dan ketenangan ketika bekerja. Kenyataannya, (WC:FTK/MS/KRT) "*Kalau rumah bersih, anak-anak cukup makan dan cukup pakai semua..maka stabilah kerjaya*

dia dan dia boleh fokus kepada kejayaan dia di tempat kerja.” (SWC3, 2013:135). Kesembilan, enam peserta kajian berusaha memperuntukkan masa khusus bersama keluarga dan melakukan aktiviti bersama (WC1, 2013; WC3, 2013; WC4, 2013; WC5, 2013; WC6, 2013; WC7, 2013). Aktiviti yang dilakukan:

(WC:FTK/MS/PM) “Di rumah saya akan tumpukan untuk tugas rumah tangga ...masak, menjaga cucu dan peruntukkan masa untuk kami bersama lah. Tengok tv bersama-sama ke...rancangan yang menjadi pilihan selalunya tv al-Hijrah, siaran berita.” (MWC4, 2013:248)


Kebanyakannya menggunakan masa hujung minggu atau sebelah malam untuk bersama keluarga (RSWC1, 2013; WC3, 2013; WC2, 2013; WC7, 2013). Kesepuluh, secara idealnya wanita berkerjaya dan berumah tangga hendaklah menyelesaikan tugas pekerjaan di tempat kerja (WC1, 2013; WC4, 2013; WC5, 2013; WC6, 2013; WC7, 2013). Kenyataannya:

(WC:FTK/MS/SDTK) “Macam saya ni kerja di *office* banyak kerja saya. Saya akan habiskan di *office*, bila di rumah saya dah kosongkan daripada kepala saya. Maka apabila balik rumah tumpuan saya adalah pada anak-anak dan rumah tangga saya lah.” (MWC1, 2013:215)

Namun, tidak dinafikan ada kalanya terdapat kerja-kerja yang perlu disiapkan juga di rumah tetapi tidak menjadi satu kebiasaan atau terlalu kerap (MWC6, 2013; WC3, 2013). Kesebelas, walau pun dalam kesibukan bekerja dan mengurus rumah tangga kesempatan memantau perkembangan anak-anak menjadi satu kemestian semua peserta kajian. Menurut peserta kajian, (WC:FTK/MS/PDA) “*Fokus didik anak-anak sebab ibu ni juga sebagai pemantau akademik dan akhlak anak-anak.*”(AWC6, 2014:195). Kedua belas, wanita yang berpangkat tinggi mengambil peluang untuk membawa ahli keluarga ketika bertugas di luar kawasan sama ada dalam mahu pun luar negara. Sukar mengambil cuti yang kerap maka kesempatan membawa keluarga bersama digunakan sebaiknya (WC4, 2013). Kenyataan temu bual:

(WC:FTK/MS/BA) “Cuma bila saya dah kahwin saya banyak ajak suami dan anak-anak ikut bersama. Pernah juga saya pergi dua minggu *training* dan terpaksa letak anak dekat *nursery* dan semua perbelanjaan tu adalah kita sendiri lah kan...nak tak nak terpaksa juga dilakukan sebab masa tu saya masih menyusukan anak.” (RSWC6, 2013:354)

Dapatan akhir kajian ini menghasilkan model keseimbangan kerjaya dan rumah tangga seperti yang terdapat dalam Rajah 4.1 seperti yang telah dibincangkan dalam dapatan kaj



Rajah 4.1 Model keseimbangan kerjaya dan rumah tangga WC1-7

Kajian ini mendedahkan aspek utama yang perlu difahami oleh wanita yang berkerjaya dan berumah tangga khususnya dan suami sebagai pemimpin keluarga amnya. Malahan majikan juga mestilah memahami konsep yang terhasil sebagai usaha membantu mewujudkan kepimpinan yang cemerlang di tempat kerja dan pengurusan organisasi yang baik khususnya terhadap wanita berkerjaya. Perbincangan hasil

kajian ini melibatkan kefahaman asas atau yang paling utama adalah berkaitan batas dan syarat wanita berkerjaya, hukum terhadap pelaksanaan keseimbangan dwi kerjaya, peranan dalam rumah tangga sebagai isteri dan ibu serta peranan dalam tuntutan kerjaya.

■ 5.0 PERBINCANGAN

5.1 Batas dan Syarat Wanita Berkerjaya Menurut Islam

Lelaki dan wanita mempunyai peranan yang tersendiri umpamanya lelaki bertanggungjawab mencari rezeki manakala wanita ditugaskan untuk menguruskan rumah tangga (Fatimah, 2011). Namun, terdapat wanita yang keluar rumah untuk bekerja bagi membantu meringankan kewangan keluarga disebabkan masalah yang berlaku terhadap suami seperti sakit atau kepakaran wanita tersebut amat diperlukan dalam mengembangkan potensi masyarakat maka mereka dikehendaki menjaga syarat dan batasan yang ditetapkan oleh syarak (al-Jaziri, tt; al-Qardawi, 1995; al-Zuhaili, 1989; Athiyyah Saqar, 2002; al-Siba'i, 1999; al-Buty, 1996; Basri, 2009; Zeenath, 2002).

Antara perbincangan berkaitan batas dan syarat wanita yang keluar rumah untuk bekerja atau menjalankan sebarang urusan di luar rumah melibatkan kebenaran keluar rumah daripada suami (al-Qardawi, 1995; Athiyyah Saqar, 2002; Basri, 2009; al-Zuhaili, 2008); ditemani oleh mahram atau kaum kerabat (al-Jaziri, tt); berpakaian menutup aurat secara sempurna (al-Qardawi, 1993;1995; Athiyyah Saqar, 2002; Ahmad Shalaby, 2001; Basri, 2009; al-Zuhaili, 2008); tidak memakai wangi-wangian (al-Jaziri, tt; Athiyyah Saqar, 2002; Abdul Qadir, tt), tidak memakai kosmetik (Athiyyah Saqar, 2002); tidak berhias yang keterlaluan dan menimbulkan berahi (al-Jaziri, tt; Ahmad Shalaby, 2001; Abdul Qadir, tt); menyembunyikan kecantikan yang dimiliki (al-Jaziri, tt); beriltizam dengan akhlak Islam dan adap sopan sebagai seorang wanita Islam (al-Qardawi, 1993;1995); tidak bekerja di tempat yang bercampur dengan ramai lelaki (Athiyyah Saqar, 2002; al-Jaziri, tt); tidak bersunyan atau hanya berdua-duan bersama lelaki (Athiyyah Saqar, 2002; al-Siba'i, 1999; ; al-Buty, 1996; Ahmad Shalaby, 2001); perbualan antara lelaki dan wanita adalah berkaitan urusan pekerjaan, masyarakat, pelajaran dan masalah kehidupan (Ahmad Shalaby, 2001); terhindar daripada orang-orang yang jahat (al-Jaziri, tt); meyakini tidak akan berlaku fitnah (Athiyyah Saqar, 2002; al-Buty, 1996); tidak meninggalkan tanggungjawab terhadap Allah SWT (Athiyyah Saqar, 2002); mampu seimbangkan antara kerjaya dan rumah tangga (al-Qardawi, 1993;1995; al-Buty, 1996; Athiyyah Saqar, 2002; al-Siba'i, 1999; al-Hashimi, 2005; Basri, 2009; Zeenath, 2002); kerjaya yang dilakukan adalah halal dan menepati kehendak syarak (al-Qardawi, 1993;1995; Athiyyah Saqar, 2002; Basri, 2009); kerjaya tersebut juga sesuai dengan sifat kewanitaan (al-Qardawi, 1993;1995; al-Hashimi, 2005; Basri, 2009).

5.2 Hukum berkaitan Keseimbangan Kerjaya dan Rumah Tangga

Jelasnya, keseimbangan dalam kerjaya dan rumah tangga merupakan tuntutan yang wajib dilaksanakan oleh wanita yang ingin keluar rumah untuk bekerja (al-Qardawi, 1993;1995; Al-Buty, 1996; Athiyyah Saqar, 2002; al-Siba'i, 1999, 1999; al-Hashimi, 2005; Basri, 2009; Zeenath, 2002). Amalan fiqh ini bukan pilihan tetapi mesti dilaksanakan dengan sebaiknya. Walau pun hakikatnya, wanita tidak dituntut untuk melakukan sebarang pekerjaan bagi menyara kehidupan. Sebenarnya, tugas mencari nafkah adalah tanggungjawab yang diwajibkan kepada suami, bapa atau anggota keluarga lelaki yang lain (al-Siba'i, 1999, 1999; al-Hashimi, 2005; al-Buty, 1996; Sayyid Sabiq, 1995; al-Sartowi, 1997; Abu Syuqqah, 2002; 2009). Sementara itu, tugas utama wanita yang telah berkahwin adalah menguruskan rumah tangga, melayan suami, mengandungi, melahirkan anak, mendidik anak-anak yang telah dilahirkan dan mewujudkan suasana yang tenang dan harmoni dalam keluarga (al-Siba'i, 1999, 1999; al-Hashimi, 2005; al-Buty, 1996; al-Qardawi, 1995; Sayyid Sabiq, 1995; Abu Syuqqah, 2002; 2009). Perkara ini termasuk dalam keutamaan perkara fardu atau wajib berbanding sunat (al-Qardawi, 1996;1999).

Jelasnya, keluarga merupakan asas utama kepada pembentukan sesebuah masyarakat (al-Buty, 1996; Jamaluddin, 1992; al-Khin dan al-Bugha, 1998;2008; Zainab, 2004; Abdul Qadir, tt). Ulamak berbeza pendapat berkaitan wanita yang keluar rumah untuk bekerja. Menurut Sayyid Sabiq (1995) sekiranya pekerjaan tersebut tidak mendatangkan bahaya dan tidak menyebabkan pengabaian tugas hakiki dalam rumah tangga maka mereka dibenarkan untuk bekerja. Namun, sekiranya pekerjaan itu mendedahkan kepada bahaya dan menyebabkan wanita gagal menjalankan tugas sebagai isteri dan ibu dalam rumah tangga maka mereka ditegah untuk keluar rumah untuk bekerja (Sayyid Sabiq, 1995).

Justeru, pekerjaan dan peranan wanita yang paling utama dalam segenap generasi adalah sebagai ibu dan isteri yang mentadbir dan menguruskan rumah tangga dengan cemerlang (al-Qardawi, 1995; al-Hashimi, 2005; al-Buty, 1996). Justeru, apabila seseorang wanita memilih untuk bekerja di luar rumah maka tanggungjawab mereka yang hakiki tidak boleh diabaikan sama sekali (Zeenath, 2002). Wanita bekerja mestilah mampu menyelaras di antara tugas luar rumah dengan tugas di dalam rumah tangga seperti mentaati suami, memelihara dan membesarkan anak-anak dalam suasana yang salih (al-Buty, 1996). Rasulullah SAW bersabda berkaitan tanggungjawab, hak dan peranan wanita berkerjaya dan berumah tangga tentang kewajipan mereka yang hakiki (Ibnu Majah, t.th, 1: 597) :

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ (مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ زَوْجَةٍ صَالِحَةٍ. إِنَّ أَمْرَهَا أَطَاعَتَهُ. وَإِنْ نَظَرَ إِلَيْهَا سِرَّتَهُ. وَإِنْ أَقْسَمَ عَلَيْهَا أُبْرَتَهُ. وَإِنْ غَابَ عَنْهَا نَصَحْتَهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهَا)

Maksudnya:

“Daripada Abu Umamah daripada Nabi SAW sabdanya, “Tidak ada satu pun yang lebih baik faedahnya bagi seorang mukmin selepas bertakwa terhadap Allah SWT daripada seorang isteri yang solehah yang keadaannya jika suaminya menyuruhnya (tentang suatu yang baik) lantas mentaatinya. Jika suaminya melihatnya (dengan penglihatan kasih sayang atau nafsu) dia segera mengembirakannya (melunaskannya). Jika suaminya bersumpah (terhadap sesuatu kesalahan yang dengan keazaman tidak mengulanginya) dia cepat memaafkannya. Jika suaminya tiada di sisinya, lurus hatinya menjaga dirinya dan menjaga harta suaminya.”

Jelasnya, hadith ini dijadikan dalil tentang kepentingan wanita profesional masa kini untuk memelihara hak dan tanggungjawab mereka dalam rumah tangga sekalipun mereka sibuk dalam kerjaya dan menjawat jawatan yang tinggi serta beroleh pendapatan yang lumayan bahkan

ada kalanya melebihi suami (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Wanita solehah dan taat akan dikasihi dan disayangi oleh suami. Rumah tangga yang bahagia melalui hubungan intim dan komunikasi yang baik dalam rumah tangga menjadi pencetus kepada wujudnya kehidupan yang bahagia dalam kehidupan berkeluarga (Abd. Razak dan Noraini, 2011).

5.3 Hakikat Peranan Wanita dalam Rumah Tangga

5.3.1 Peranan Sebagai Isteri

Wanita mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai seorang isteri dalam rumah tangga (al-Zuhaili, 2008; Md. Nurul Huda, 2012). Islam menuntut agar wanita melaksanakan kewajibannya terhadap suami dan rumah tangga mengikut kemampuannya (al-Ghazali, 2001). Penghayatan agama dan kefahaman berkaitan dengan hak dan tanggungjawab suami dan isteri dalam rumah tangga merupakan perkara penting yang mesti dilaksanakan sebaik-baiknya (al-Zuhaili, 2008). Kegagalan dalam memahami tanggungjawab yang telah digariskan oleh Islam menyebabkan antara faktor keruntuhan institusi keluarga (Masitah, 2011). Lantaran itu, kewajipan yang telah ditetapkan dalam rumah tangga ini sebagai menghargai fitrah kejadian lelaki dan wanita untuk menjalinkan hubungan yang baik dan diredai oleh Allah SWT di muka bumi (Md. Nurul Huda, 2012). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya (hati) kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikanNya di antaramu (suami isteri) rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berfikir.”

(Surah *al-Rum*, 30: 21)

Jelasnya, perkahwinan merupakan ikatan persetujuan yang menyebabkan adanya hak dan kewajipan dua hala di antara kedua-dua belah pihak agar terdapat keseimbangan dan keadilan (al-Qardawi, 1999). Antara tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh isteri ialah mentaati suami selain perkara maksiat, memelihara kemuliaan, kehormatan dan harta suami, tidak menggunakan harta suami tanpa izin, menggembirakan suami, menunjukkan wajah yang manis, berhias untuk suami, tidak melakukan perkara yang dibenci oleh suami, memelihara dan menguruskan rumah tangga dan tidak membenarkan orang lain masuk ke rumah tanpa izin suami (al-Qardawi, 1999; al-Hashimi, 2005; Sayyid Sabiq, 1995; al-Khin dan al-Bugha, 1998;2008; al-Ghazali, 2001; al-Zuhaili, 2008).

5.3.2 Peranan Sebagai Ibu

Kelahiran anak dalam keluarga tidak harus dipersia-siakan. Pendidikan anak-anak menurut Mohd Hamid dan Khaulah (1994), termasuk pendidikan dari aspek jasmani, rohani, agama, akhlak, masyarakat dan akal. Lantaran itu, Islam mewajibkan ibu bapa memberi nafkah dan mendidik anak-anak supaya taat kepada perintah Allah SWT dan berakhlak mulia (Mohd Hamid dan Khaulah, 1994; al-Khin dan al-Bugha, 1998;2008). Al-Qardawi (1995; 1999), menegaskan bahawa pekerjaan yang lebih utama bagi wanita adalah mendidik generasi. Wanita bertanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak (al-Buty, 1996; Abu Syuqqah, 2002; 2009). Wanita bertanggungjawab mendidik anak bermula dari alam rahim sehinggalah mereka dilahirkan ke dunia (Mohd Hamid dan Khaulah, 1994). Isteri perlu mendidik anak-anak dengan ilmu agama yang mantap dengan melaksanakan segala kewajipan yang telah diwajibkan kepada umat Islam (al-Zuhaili, 2008).

Justeru, Allah SWT telah memperlengkapkan wanita dengan persiapan fizikal dan juga spiritual bagi menggalas tugas tersebut (Abu Syuqqah, 2002; 2009). Maka, tidak wajar bagi wanita menyibukkan diri dengan urusan kebendaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka yang paling utama. Rasulullah SAW menetapkan tanggungjawab wanita untuk menjaga anak-anak seperti mana sabda Rasulullah SAW daripada Abdullah bin Umar (al-Bukhari, 1997: 13: 7138; Muslim, 1996: 13-15: 1829) :

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله (ص) قال: "... وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا
وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ..."

Maksudnya :

“Daripada Abdullah bin Umar r.anhuma bahawasanya Rasulullah SAW bersabda : “...Dan wanita adalah pemimpin terhadap rumah tangga suaminya dan anak-anaknya, dan akan dipertanggungjawabkan terhadap mereka...”

Walaupun tanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak diletakkan sepenuhnya kepada wanita atau ibu namun Rasulullah SAW menggalakkan tugas ini dilaksanakan secara bersama (Siti Fatimah, 2002). Rasulullah SAW menetapkan tanggungjawab bapa untuk menyempurnakan tugas menjaga dan mendidik anak-anak di samping peranan seorang ibu. Hal ini disebabkan tanggungjawab mendidik anak-anak bukanlah merupakan tanggungjawab yang mudah untuk dilakukan seorang diri. Terutamanya dalam zaman yang serba moden dan mempunyai masyarakat remaja yang semakin rosak jiwanya (Siti Fatimah, 2002). Rasulullah SAW bersabda daripada Abdullah Amr bin al-‘Ash (Muslim, 1996: 7-9: 1159):

وَأَنَّ لَوْلَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا

Maksudnya :

“Sesungguhnya anakmu mempunyai hak terhadap dirimu.”

Sejarah menunjukkan bahawa Rasulullah SAW kasih kepada anak-anak baginda dan turut sama mendidik mereka dengan akhlak yang mulia (Abu Syuqqah, 2002; 2009). Rasulullah SAW bersabda daripada Umar bin Abi Salamah (al-Bukhari, 1997: 9: 5376):

يَا غُلَامُ ، سَمِّ اللَّهَ ، وَكُلْ بِيَمِينِكَ ، وَكُلْ مِمَّا بِيَدِكَ

Maksudnya:

“Wahai anaku, sebutlah nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah apa yang dekat darimu.”

Justeru, ibu bapa perlu menggalas tugas berat ini secara bersama. Ibu bapa wajar mendidik anak-anak dengan berkesan bagi mengembangkan potensi diri mereka. Kehadiran suami membantu mengembangkan psikologi anak terutamanya anak-anak lelaki. Ketegasan bapa juga dapat mengurangkan masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan anak-anak remaja melalui pemerhatian dan pemantauan yang berterusan. Anak-anak juga dapat menghilangkan persepsi buruk terhadap bapa yang sibuk dengan pekerjaan sehingga mengabaikan hak keluarga dan pendidikan mereka (Zainab al-Ghazali, 2004). Lantaran itu, suami yang baik hendaklah meluangkan masa yang khusus untuk bersama keluarga dan memantau perkembangan anak-anak serta memberi ruang anak-anak mencurahkan kasih-sayang mereka (Zainab al-Ghazali, 2004).

Menyedari hakikat ini, cara asuhan ibu bapa amat mempengaruhi perkembangan intelektual anak-anak (Black *et al.*, 2010). Menyedari kepentingan ini, kebanyakan ibu bapa memilih pendekatan mendidik anak-anak dengan unsur-unsur keagamaan sebagai salah satu langkah untuk membentuk peribadi yang mulia (Azizi *et al.*, 2009). Tujuan pendidikan yang lain ialah mengingatkan anak-anak tentang hakikat penciptaan mereka dan hubungannya dengan Allah SWT, memperelokkan akhlak, mengukuhkan akidah, memberi gambaran risalah Islam dan meningkatkan iman dan takwa (Mohd Hamid dan Khaulah, 1994). Abdullah Nasih Ulwan (2000) mengetengahkan metodologi pendidikan anak-anak yang berkesan melibatkan pendidikan melalui tauladan, pendidikan melalui adat kebiasaan, pendidikan melalui nasihat, pendidikan melalui pemerhatian dan pendidikan dengan cara balasan dan denda.

5.3.4 Peranan dan Sumbangan Wanita di Malaysia

Masyarakat dunia mula menyedari tentang peranan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh wanita terhadap perkembangan negara (Maria Holt dan Haifaa Jawad, 2013). Kajian Fatima Sbaity (2012) mendedahkan bahawa penyertaan kaum wanita tinggi dalam politik, ekonomi dan pendidikan di negara-negara yang mempunyai Keluaran Negara Kasar (KDNK) yang tinggi. Selain itu, pihak berkuasa juga mulai sensitif terhadap pelbagai masalah yang dihadapi oleh wanita masa kini. Justeru, wanita di Malaysia hari ini mempunyai kedudukan yang lebih baik berbanding 50 tahun dahulu (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Hal ini juga ditegaskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Najib Tun Razak (2013) bahawa pihak kerajaan bukan setakat mengiktiraf potensi dan peranan wanita malahan berusaha mengarus-perdankan golongan wanita sebagai pendokong wawasan dan cita-cita negara.

Justeru, tuntutan “Negara Maju Masyarakat Beretika” adalah sebahagian daripada wawasan negara pada tahun 2020. Wawasan ini memberi cabaran kepada umat Islam untuk membimbing, membentuk dan membangunkan keluarga Islam (Hong *et al.*, 2010). Hal ini disebabkan institusi keluarga mempunyai peranan yang besar sebagai wadah pembinaan ummah yang gemilang (Jamaluddin, 1992). Justeru, perancangan ke arah pembangunan keluarga Islam hendaklah meliputi unsur-unsur fizikal, material dan spiritual yang menyeluruh dan bersepadu selari dengan tuntutan agama (Nooh Gadut, 2006; Siti Zalkhah, dan Zaleha, 2010). Hal ini menjadi kunci utama kejayaan seseorang wanita dan pembentukan generasi yang baik walau pun mereka turut berusaha menyalurkan perkhidmatan dan kepakaran kepada masyarakat dan negara.

Sejarah membuktikan perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu disertai oleh kaum wanita. Tokoh-tokoh kepimpinan wanita yang terserlah ialah Shamsiah Fekah, Khadijah Sidek, Aishah Ghani, Sawiyah Jalil dan Sakinah Junid (Ishak Saat, 2011). Menurut Ishak Saat (2011), mereka berjuang menerusi Angkatan Wanita Sedar (AWAS) iaitu sayap wanita dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Mereka berperanan menyemarakkan semangat memperjuangkan kemerdekaan negara dalam kalangan wanita dan lelaki melalui kelantangan bersuara dan keberanian menentang penjajah British di bawah kepimpinan Dr Burhanuddin al-Helmy. Selain itu, wanita juga memainkan peranan utama dalam perkembangan sosioekonomi (Maria Holt dan Haifaa Jawad, 2013). Contohnya, beberapa orang wanita bangsawan seperti Wan Masharan, Wan Hajar dan Wan Fatimah merupakan tokoh dalam politik Kedah serta menceburi aspek ekonomi dengan melakukan pemilikan tanah dan pengumpulan harta (Nadiah, 2011).

6.0 RUMUSAN

Secara tradisinya peranan wanita adalah dalam lingkungan rumah tangga sebagai seorang isteri kepada suami, ibu kepada anak-anak serta memainkan peranan dalam menguruskan rumah tangga seperti memasak, mengemas, mendidik anak-anak dan menjalankan pelbagai tugas lain berkaitan dengan rumah tangga (al-Qardawi, 1995; Zainab al-Ghazali, 2004; Rohaiza, 2011; Sohair, 1995; Seon Mi Kim, 2012; Janet Wolf, 2010). Tegasnya, peranan wanita yang paling utama adalah dalam rumah tangga (al-Siba'i, 1999; al-Hashimi, 2005; Al-Buty, 1996; al-Qardawi, 1995; Sayyid Sabiq, 1995; Abu Shuqqah, 2002; 2009). Namun, wanita yang memilih untuk berkerjaya mestilah menjalankan fungsi dalam rumah tangga dan pekerjaan secara seimbang sebagai memenuhi tuntutan syarak (al-Qardawi, 1995; Abu Shuqqah, 2002; 2009; Bushrah, 2006; Adawiyah, 2011). Hal ini disokong oleh Janet Wolf (2010) yang menegaskan bahawa seseorang ibu yang bekerja perlu menjalankan peranan dalam kerjaya dan keluarga mereka. Menurut Schwartz (2000:103), “*Women who compete like men are considered unfeminine. Women who emphasize family are considered uncommitted.*” Rumusan model asas keseimbangan kerjaya dan rumah tangga ditunjukkan dalam Rajah 5.1 berikut.



Rajah 5.1 Model asas keseimbangan kerjaya dan rumah tangga

Kebiasaannya wanita walau pun menjawat jawatan yang tinggi mereka tetap akan berusaha menyeimbangkan antara kerjaya dan rumah tangga. Mereka tetap berkemampuan mengendalikan pekerjaan dengan baik. Peluang, sikap yang lebih terbuka daripada majikan serta komitmen daripada anggota keluarga baik suami mahu pun anak-anak merupakan kunci melahirkan wanita yang berjaya (Schwartz, 2000). Bagi memenuhi tanggungjawab dwi kerjaya model dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai alternatif. Kebejatan sosial dan masalah keruntuhan rumah tangga akibat pengabaian rumah tangga dapat dielakkan dari semasa ke semasa.

Rujukan

- Abd. Razak Zakaria dan Noraini Mohd Salleh. (2011). Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 35–44.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1991). *Menyambut Kelahiran Sikap Islam dan Peranan Ibu bapa*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1998). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. (Terjemah Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD. Jld 1.
- Abu Syuqqah, Abdul Halim Muahmmad. (2002). *Tahriru al-Mar'ah fi 'Usri al-Risalah*. Kuwait: Dar al-Kalam.
- Abu Syuqqah, Abdul Halim Muahmmad. (2009). *Kebebasan Wanita*. (Terjemahan Farida Sulaiman dan Walid Lithfullah) Selangor: Pustaka Dini.
- Ahmad Shalaby. (2001). *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Asqalani, Muhammad Ali Hajar, Imam al-Hafiz. (1997). *Fathu al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. J12. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Asqalani, Muhammad Ali Hajar, Imam al-Hafiz. (1997). *Fathu al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. J8. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Butiy, Muhammad Sa'ied Ramadan. (1996). *Al-Mar'ah Baina Thu'yan an-Nizham al-Gharbiy Wa Lathoifi At-Tasyri' al-Rabbani*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. (2001). *Ihya' Ulum al-Din Siri 5*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Al-Hashimi, Muhammad Ali. (2005). *The Ideal Muslimah, Syakhsyiyah al-Mar'ah al-Muslimah*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House (IIPH).
- Al-Jaziri, Abdul Rahman. (tt). *Kitab al-Fiqh 'ala al-Mazahibi al-Arba'ah*. J.5. Syari' Najib al-Raihani: Dar al-Irsyad li al-Tiba'ah wa al-Nasyri.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa, dan Ali Asy Syarbaji. (2008). *Kitab Fekah Mazhab Syafie*. (Terjemah oleh Ridzuan Hashim, dan Juanda Jaya et al.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1993). *Mulamihu al-Mujtama' al-Muslim allazi Nansyuduhu*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1995). *Fatwa Masa Kini*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Al-Sartowi, Muhammad 'Ali. (1997). *Syarah al-Qanun fi al-Ahwali al-Syakhsyiyah*. Amman: Dar al-Fikr.
- Al-Siba'i, Mustafa. (1999). *Al-Mar'ah Baina Fiqh wa al-Qanun*. Riyadh: Maktabah al-Warraq.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2008). *Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Athiyyah Saqar. (2002). *Seen Wa Jeem li Marati al-Muslimah, Soal Jawab Wanita Islam*. (Terjemahan Rosli Alias dan Mohd Yusuf Abdullah). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, dan Shahrin Hashim. (2009b). *Modal Insan Membentuk Keluarga Berkesan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari. (2009). *Isu-isu Fiqh Halal & Haram Semasa*, Jil.2, Selangor :al-Hidayah Publication.
- Bushrah Basiron. (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Gall, Joyce P., Gall, M.D., and Borg, Walter R. (2005). *Applying Educational Research a Practical Guide*. Boston: PEARSON.
- Hamidah Abdul Rahman. (2006). Faktor Penyumbang kepada Masalah Keluarga dan Perceraian; Kajian Kes di Johor. Dalam Abdul Rahim Abdul Rashid et al. *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga* (pp.13). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ibrahim Lembut, Tan Sri. (2013). Wawancara Berita al-Hijrah pada 26 Mac 2013 jam 8.00 malam.
- Ishak Saat dan Nazarudin Zainun. (2011). *Wanita dan Perjuangan*. Batu Pahat: Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jamaluddin Muhammad Mahmud. (1992). *Usul al-Mujtama' al-Islami*. Al-Kaherah: Dar al-Kutub al-Misr.
- Janet Wolf. (2010). Book Reviews: N. Gilbert A Mother's Work: How Feminism, the Market, and Policy Shape Family Life New Haven, CT: Yale University Press. *Affilia*, <http://aff.sagepub.com/>
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kaulah Abdul Latief Al-Atiqi. (1999). *Wanita Islam Hari Ini Kerja Dan Fungsinya*. Selangor: Pustaka Ilmi.h.84.
- Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail. (2010). Peranan Wanita Melayu dalam Proses Penjagaan Ibu Bapa Tua: Dilema dan Cabaran dalam Era Globalisasi. *Jurnal Kajian Malaysia*, 28 (2), 71–105.
- Locke, Lawrence F., Silverman, Stephen J., and Waneen Wyrick Spirduso. (2010). *Reading and Understanding Research*. 3th edition. Los Angeles: SAGE.
- Maria Holt and Haifaa Jawad. (2013). *Women, Islam and Resistance in the Arab World*. United States of America: Lynne Rienner Publishers, Inc.
- Maxwell, Joseph A. (1996). *Qualitative Research Design An Interactive Approach*. Vol.41. London: SAGE.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal-Selidik Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hamid al-Nasir dan Khaulad Abdul Qadir Darwisyi. (1994). *Tarbiyatul al-Atfal fi Rihabil Islam fi al-Baiti wa al-Raudhah*. Jeddah: Maktabah al-Sawadi li al-Tauzi'.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nadiah Ismail. (2011). *Wanita Melayu Kedah dan Pemilikan Tanah Tahun 1881-1940*. Dalam Wanita dan Perjuangan. Batu Pahat: Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Ng, Thomas W.H, and Feldman, Daniel C. (2012). The Effects of Organizational and Community Embeddedness on Work-to-Family and Family-to-Work Conflict. *Journal of Applied Psychology*, 97(6), 1233–1251.
- Nooh Gadut. (2006). Pandangan Islam Terhadap Pencapaian Wanita. Dlm. Siti Fatimah Abdul Rahman. *Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd. 24.
- Noor Rahamah Hj. Abu Bakar. (2012). Wanita Bekerja dan Pengurusan Keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 155–162. GEOGRAFIA Online.
- Parmjit Singh, Chan Yuen Fook and Gurnam Kaur Sidhu. (2006). *A Comprehensive Guide to Writing A Research Proposal*. United Kingdom: Venton Publishing.
- Pittenger, D. J. (2003). *Behavioral Research Design and Analysis*. Boston Burr Ridge: McGraw-Hill Higher Education.
- Richard Holmes, Hazadiah Mohammad and Habibah Ashari. (2005). *A Guide to Research in the Sosial Sciences*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Rohaiza Abd. Rokis Islam and Modernity: A Case of Muslim Female Engineers in Malaysia. *Journal of Islam in Asia*, Spl. Issue, (2), 403–419.
- Salvana di Gregorio, Judith Davidson. (2008). *Qualitative Research Design for Software Users*. England: Mc Graw Hill Open University Press.
- Sayyid Sabiq. (1990). *Fiqh al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Sayyid Sabiq. (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Syarikat Manar al-Daulah al-Fathu li ‘Ilami al-‘Arabi.
- Seon Mi Kim. (2012). Evaluations of Women-Centered U.S. Microenterprise Development Programs. *Affilia: Journal of Women and Social Work*, 27(1), 71–83.
- Siti Zalikah Md. Nor, dan Zaleha Kamaruddin. (2010). *Keluarga Syurga, Wanita dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn Bhd.
- Sohair Abdel Moneim Sery. (1995). Wanita Bekerja dan Cabarannya. *Al-Maw'izah Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*, (3), 103–104.
- Uwe Flick, Ernst Von Kardorff and Ines Steinke. (2004). *A Companion to Qualitative Research*. London: SAGE Publications.
- Welman, Kauger, Mitchell. (2005). *Research Methodology*. 3rd Edition. Southern Africa: Oxford University Press.
- Zainab al-Ghazali. (2004). *Nasihat Untuk Wanita*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Zeenath Kausar. (2002). *Woman's Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.